

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**September 1999**

**HFA 101 - Pengantar Falsafah**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [ 6 ] SOALAN DI DALAM DUA [ 2 ] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Untuk Socrates, ilmu dan moraliti berkait rapat. (a) Jelaskan dan bincangkan secara menyeluruh dan analitik bagaimana ilmu dan moraliti mempunyai kaitan rapat dalam pemikiran falsafah Socrates. (b) Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates? Beri alasan kukuh untuk pandangan anda.
2. Teori Idea Plato bertujuan untuk mengatasi dan menyelesaikan beberapa masalah mengenai ilmu manusia. (a) Jelaskan dan bincangkan secara analitik apakah di antara masalah yang cuba diselesaikan oleh Plato dalam teori Ideanya dan (b) apakah pula masalah lain yang timbul dari teorinya?
3. Dalam pemikiran metafizik Ibn Sina, *wujud* dan *mahiyyah* adalah dua konsep yang amat penting. (a) Jelaskan dan bincangkan secara analitik pemahaman Ibn Sina mengenai *wujud* dan *mahiyyah* dan pembahagian kewujudan kepada tiga kategori. (b) Apakah kepentingan dan sumbangan pemikiran metafizik Ibn Sina kepada pemikiran falsafah Islam selepasnya?
4. Sankara adalah pengasas aliran falsafah *Advaita Vedanta* yang terkemuka. (a) Jelaskan dan bincangkan secara analitik pandangan Sankara mengenai *Brahman* dan *maya*. (b) Mengapakah pandangan beliau disifatkan sebagai *advaita* atau bukan dualis?
5. Descartes adalah pengasas pemikiran falsafah Barat moden. (a) Jelaskan dan bincangkan secara menyeluruh dan analitik perubahan-perubahan penting yang telah dibawa oleh Descartes kepada pemikiran falsafah Barat dan (b) apakah kesan-kesan perubahan ini kepada perkembangan pemikiran falsafah Barat moden?

.. /2